

Soalan Lazim PCB Sebagai Cukai Muktamad

BAHAGIAN 1: PENGENALAN

1. Apa itu Potongan Cukai Bulanan Cukai Muktamad (PCB Cukai Muktamad)?

PCB Cukai Muktamad membenarkan pembayar cukai yang layak untuk tidak mengemukakan Borang Nyata Cukai Pendapatan (BNCP) kepada Lembaga Hasil Dalam Negeri Malaysia (LHDN).

2. Siapa yang layak?

Individu seperti berikut:

- i. semua pekerja yang menerima pendapatan penggajian di bawah seksyen 13, Akta Cukai Pendapatan 1967;
- ii. PCB pekerja berdasarkan Kaedah-Kaedah Cukai Pendapatan (Potongan Daripada Saraan) 1994; dan
- iii. pekerja yang berkhidmat dengan majikan yang sama dalam tempoh 12 bulan dalam tahun kalendar.

BAHAGIAN 2: PENGEMUKAAN BORANG BNCP

3. Adakah pembayar cukai dikehendaki mengemukakan borang BNCP sekiranya tidak memenuhi kriteria-kriteria PCB Cukai Muktamad?

Ya. Layanan ini tidak terpakai kepada pekerja berikut:

- i. Bekerja dengan lebih daripada satu majikan;
- ii. Tempoh penggajian kurang daripada 12 bulan (Januari - Disember);
- iii. Cukai ditanggung oleh majikan;
- iv. Taksiran Bersama;
- v. Pendapatan yang tidak diambilkira dalam pengiraan PCB seperti Manfaat Berupa Barangan (MBB) dan Nilai Tempat Kediaman (NTK); atau
- vi. Pembayar cukai yang ingin menuntut bayaran balik atau menuntut pelepasan atau rebat.

4. **Adakah pembayar cukai yang bertukar majikan dalam tempoh 12 bulan asas perlu mengemukakan borang?**

Ya. Pekerja/pembayar cukai yang bertukar majikan tergolong dalam kriteria berkerja lebih daripada satu majikan dalam tempoh 12 tempoh asas.

5. **Adakah pembayar cukai yang mempunyai pendapatan sewa dan dividen perlu mengemukakan borang?**

Ya. Pekerja/pembayar cukai yang menerima punca pendapatan selain penggajian seperti sewa, pendapatan dividen, terima bayaran komisen yang tiada potongan PCB adalah tidak memenuhi kriteria-kriteria PCB Cukai Muktamad dan perlu mengemukakan borang BNCP sebelum atau pada 30 April.

6. **Adakah pembayar cukai yang tergolong dalam PCB Cukai Muktamad dibenarkan untuk memilih mengemukakan borang?**

Ya. Pekerja/pembayar cukai dibenarkan untuk mengemukakan borang BNCP sebelum atau pada 30 April.

BAHAGIAN 3: PENGIRAAN PCB CUKAI UKTAMAD

7. **Bagaimana pembayar cukai hendak menyemak penentuan PCB Cukai Muktamad adalah betul dan tepat?**

(a) Bagi majikan yang menggunakan Kaedah Pengiraan Berkomputer

Pembayar cukai boleh menggunakan Kalkulator PCB di laman sesawang LHDN untuk semakan.

(b) Bagi majikan yang menggunakan Jadual PCB manual

Semakan ke atas Jadual PCB.

8. **Adakah pengiraan PCB Cukai Muktamad bagi kaedah pengiraan berkomputer dan Jadual PCB Cukai Muktamad adalah berbeza?**

Ya. Pengiraan PCB Cukai Muktamad yang menggunakan kaedah pengiraan berkomputer adalah lebih tepat sehingga jumlah sen yang perlu dibayar. Tetapi, julat banjaran pendapatan di Jadual PCB Cukai Muktamad adalah RM5.00 dan nilai pendapatan yang diambilkira dalam pengiraan PCB Cukai Muktamad adalah nilai terakhir untuk setiap julat banjaran pendapatan.

9. **Adakah kompaun akan dikenakan sekiranya majikan tersalah menggunakan kaedah dalam penentuan PCB Cukai Muktamad?**

Penentuan PCB Cukai Muktamad menggunakan kaedah yang tidak betul dan pengiraan yang tidak tepat boleh dikompaun di bawah kaedah KKCP sekiranya PCB Cukai Muktamad terkurang potong. Walau bagaimanapun, permohonan pembatalan tawaran kompaun boleh dipertimbangkan.

10. **Apakah tindakan yang boleh dilakukan sekiranya pembayar cukai mendapati potongan PCB Cukai Muktamad adalah tidak betul/tepat semasa penerimaan borang EA/EC?**

Pembayar cukai boleh memilih untuk mengemukakan borang bagi menyemak penentuan PCB Cukai Muktamad yang dipotong oleh majikan.

Sekiranya penentuan PCB Cukai Muktamad dan cukai dalam borang adalah tidak sama, pembayar cukai boleh memilih untuk mengemukakan borang sebelum atau pada 30 April tahun berikutnya.

BAHAGIAN 4: PENALTI LEWAT/GAGAL MENGEMUKAKAN BNCP

11. **Adakah pembayar cukai dikenakan penalti lewat mengemukakan BNCP jika mengemukakan borang selepas 30 April tahun berikutnya untuk menuntut potongan, pelepasan atau rebat tambahan walaupun pembayar cukai memenuhi kriteria tidak perlu mengemukakan BNCP?**

Ya. Penalti lewat di bawah Seksyen 112(3), ACP 1967 akan dikenakan. Jumlah penalti akan ditolak dengan jumlah bayaran balik yang layak dituntut.

Senario 1.

PCB telah dipotong dengan betul setelah mengambilkira potongan/ pelepasan/ rebat. Tetapi pembayar cukai masih mengemukakan BNCP untuk menuntut potongan/pelepasan/rebat yang sama yang sebenarnya telah diambilkira oleh majikan semasa pengiraan PCB. Cukai yang dikenakan adalah sama seperti PCB. Jika BNCP diterima selepas 30 April, penalti Seksyen 112(3) tidak dikenakan.

Senario 2.

PCB telah dipotong dengan betul setelah mengambilkira potongan/ pelepasan/ rebat. Tetapi pembayar cukai masih mengemukakan BNCP untuk menuntut

tambahan atau pindaan ke atas potongan/pelepasan/rebat yang telah dikira semasa pengiraan PCB. Sekiranya cukai yang dikenakan adalah terlebih atau kurang berbanding dengan jumlah PCB Cukai Muktamad. Jika BNCP diterima selepas 30 April, penalti Seksyen 112(3) akan dikenakan.

Di bawah Seksyen 112(3), penalti dikenakan ke atas cukai yang dikenakan sebelum sebarang set-off. Oleh itu kadar penalti yang sama dikenakan seperti pembayar cukai yang lain sebab tidak mahu diskriminasi antara pekerja layak PCB cukai muktamad dengan pekerja yang tidak layak PCB cukai muktamad. Selain dari itu untuk mengelak penyalahgunaan di mana ada kemungkinan BNCP itu sememangnya terlewat atau sengaja dihantar lewat.